

1 FEB 1996

Koh-MCA

KOH : PERLANTIKAN TIDAK RENGANGKAN HUBUNGAN GERAKAN-MCA

PULAU PINANG, 1 Feb (Bernama) -- Keputusan untuk melantik pemimpin-pemimpin Gerakan ke jawatan-jawatan penting dalam negeri tidak merenggangkan hubungan di antara Gerakan dan MCA, kata Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon hari ini.

Sambil menafikan terdapatnya "kerenggangan" antara Gerakan dan MCA, Dr Koh, yang juga Naib Presiden Gerakan, berkata semua parti komponen Barisan Nasional, termasuk di negeri ini, telah bekerjasama dengan erat untuk faedah rakyat.

"MCA sebagai parti komponen telah memainkan peranan yang positif di peringkat negeri dan pusat. Saya yakin semangat kerjasama antara parti-parti komponen akan berterusan," katanya selepas menyaksikan upacara menandatangani perjanjian jual beli antara Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang dan Padova Corporation Sdn Bhd, di sini.

Beliau ditanya sama ada perlantikan seorang pemimpin Gerakan sebagai Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang akan memberi kesan kepada hubungan kedua-dua parti itu.

MCA telah beberapa kali meminta supaya pemimpin mereka dilantik ke beberapa jawatan penting dalam negeri kerana pemimpin MCA di sini mendakwa anggota-anggotanya kurang berpuas hati dengan penyertaan kecil parti itu dalam pentadbiran negeri ini.

Koh berkata perlantikan Setiausaha Gerakan Negeri Dr Teng Hock Nan sebagai Yang Dipertua baru MPPP tidak bermakna tidak ada pemimpin lain yang sesuai untuk jawatan itu dan juga jawatan itu bukan dikhaskan hanya untuk Gerakan.

Beliau berkata perlantikan itu tidak seharusnya merenggangkan hubungan antara Gerakan dan MCA walaupun terdapat perbezaan pendapat.

Bagaimanapun, beliau berkata sebarang permintaan dari MCA mestilah dibincangkan di peringkat pusat dalam semangat Barisan Nasional.

Ketika diminta mengulas perlantikan bekas Yang Dipertua MPPP Datuk Tan Ghim Hwa sebagai pengerusi Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang, Koh berkata Tan dilantik berasaskan kepada pengalaman luasnya dalam perkhidmatan kerajaan dan kepada masyarakat.

Mengenai sama ada beliau akan bertanding untuk jawatan timbalan presiden dalam perhimpunan agung Gerakan akan datang, Koh berkata adalah terlalu awal bagi beliau untuk membuat keputusan kerana pemilihan peringkat cawangan parti belum bermula.

Sementara itu, Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata terpulanglah kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk melantik sesiapa dan untuk jawatan apa di Pulau Pinang.

Ling, yang hari ini melawat Terminal Kargo Utara Butterworth, memberitahu pemberita satu perbincangan parti komponen BN mengenai jawatan MPPP itu telah diadakan dan persetujuan dicapai sebelum menyerahkan kepada Perdana Menteri untuk membuat keputusan.

Dalam perbincangan itu MCA meminta supaya pemimpinnya diberi peluang untuk menyandang jawatan-jawatan penting sebagai mencerminkan kejayaan dalam pilihan raya lepas, katanya. -- BERNAMA